

# PM bidas a h l i politik tolak agama

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas sekumpulan ahli politik yang lebih mengutamakan kepentingan politik sehingga sanggup menolak ajaran agama walaupun mereka mendakwa memperjuangkan Islam.

Perdana Menteri berkata, golongan terbabit kerap kali memilih kepentingan politik dan menolak ajaran Islam apabila timbul percanggahan yang mempunyai hubung kait dengan kepentingan politik mereka.

Contohnya, kata beliau mereka mempertahankan kononnya orang tertentu mempunyai kekebalan terhadap hukum dan undang-undang sedangkan mereka tahu dan berkali-kali menyebut bahawa tidak ada kekebalan di segi undang-undang.

“Apabila berlaku percanggahan dalam isu tertentu, kerap kali mereka memilih kepentingan politik peribadi dan menolak agama,” katanya ketika berucap selepas berbuka puasa bersama rakyat di Kampung Titi Kerbau, Jitra, dekat sini malam ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Perdana Menteri berkata, penggunaan agama untuk kepentingan politik parti dan diri sendiri bukanlah cara yang baik.